

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan dengan terperinci pelan yang bakal dilaksanakan terutamanya untuk menaikkan semula industri pelancongan di Lubok Antu yang pada suatu ketika dahulu merupakan satu destinasi pilihan dalam kalangan pelancong luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memulih dan mengembalikan daya saing industri pelancongan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menggubal Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 yang merupakan agenda transformasi yang menumpukan pada usaha-usaha meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama dan pelaburan, memperkasa masyarakat setempat, mengukuhkan daya tahan dan kemampuan industri pelancongan negara serta kesediaan mengharungi bencana pada masa akan datang.
2. Menerusi DPN, segmen ekopelancongan telah menjadi salah satu fokus utama MOTAC terutamanya dalam merencanakan pelancongan domestik selaras dengan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) (2.0) 2020 – 2030 yang merangkumi strategi-strategi dan pelan tindakan bagi memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan.
3. Menerusi pelan ini, MOTAC telah mengenalpasti kluster ekopelancongan Sri Aman - Batang Ai - Ulu Sungai Menyeng – Maludam di kawasan Parlimen Lubok Antu, yang mempunyai pelbagai produk menarik, antaranya, Taman Negara Batang Ai, Wong Merah Lubok Antu, Lubok Kasai Nanga Sumpa, *Ensulai Waterfall* dan *Red Ape Trail* yang berpotensi dibangunkan secara holistik dan memanfaatkan kesejahteraan komuniti setempat dan penjana ekonomi.
4. Bagi tujuan tersebut, MOTAC kini meneruskan pelbagai program pembangunan kapasiti kepada penggiat-penggiat pelancongan dan komuniti setempat terutamanya yang melibatkan perkampungan rumah panjang di kawasan Parlimen Lubok Antu.

NO. SOALAN : 13

5. Ini termasuklah program untuk membangun dan mempromosikan produk kraf kepada pelancong, antaranya Program Pengkomersialan Kraf Secara Fizikal dan Digital, Program Reka Bentuk dan Pembangunan Kraf dan Program Kemahiran Komuniti Kraf. Sehingga 30 September 2021, seramai 17 orang usahawan kraf dan 24 orang tenaga kerja telah dibangunkan di kawasan Lubok Antu dengan nilai jualan kraf melebihi RM169,000.

6. Daripada aspek promosi, pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh Tourism Malaysia bagi mempromosikan negara termasuk produk-produk pelancongan yang unik di kawasan luar bandar, seperti Lubok Antu melalui program usahasama dengan pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa.

7. Tourism Malaysia turut memberi penekanan dalam menggunakan media sosial dan media digital bagi mempromosikan destinasi-destinasi menarik dan unik di seluruh negara. Bagi negeri Sarawak, antara program terkini adalah penganjuran Webinar #13, 2021 – Destinasi Sarawak, Bumi Kenyalang pada 12 Oktober 2021 baru-baru ini. Ia merupakan kolaborasi antara Tourism Malaysia Medan dan Tourism Malaysia Sarawak bersama penggiat industri pelancongan negeri Sarawak.

8. Penyampaian maklumat berkenaan produk-produk pelancongan negara di platform digital ini akan membolehkan para pelancong menerima maklumat produk-produk pelancongan yang ditawarkan secara terus dan mudah.

Sekian, terima kasih.